

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 JULAI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Sasar 144,932 ketua isi rumah keluar kategori miskin tegar

## Sasar 144,932 ketua isi rumah keluar kategori miskin tegar

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mensesarkan untuk mengeluarkan seramai 144,932 ketua isi rumah di negara ini daripada kategori miskin tegar menerusi Program Pembasmiaran Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata sehingga 30 Jun lalu seramai 144,932 ketua isi rumah di kategori miskin tegar yang dire-

kodkan melalui data e-Kasih, berbanding 44,829 yang direkodkan sepanjang 2020.

Mengulas lanjut katanya, peningkatan itu adalah susulan daripada penggunaan metodologi pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2019 serta impak pandemik COVID-19.

"BMTKM akan dilaksanakan di 1,000 lokaliti dalam tempoh tiga tahun enam bulan di mana fasa satu mula dilaksanakan

pada Jun lalu membabitkan 80 lokaliti secara rintis.

"Program yang akan dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pendapatan yang merangkumi projek pertanian, penerangan, keusahawanan, pemasaran serta pembangunan minda dan motivasi," katanya menjawab soalan Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakieh (BERSATU-Sabak Bernam) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Mohd Fasiah ingin tahu bila naga rakyat negara ini yang dikategorikan sebagai miskin tegar bagi tempoh 2020 hingga kini dan langkah kerajaan bagi menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat negara ini. Pada masa sama, menjawab soalan tambahan Dr Maszlee Malik (PH-Simpang Renggam) berhubung pengenalan semula program sarapan pagi percuma kepada pelajar miskin, Mustapa

berkata, perkara itu boleh ditimbangkan kerajaan.

Mustapa berkata, BMTKM adalah pelengkap kepada program sedia ada untuk menangani isu kemiskinan merentasi semua etnik dalam Keluarga Malaysia.

"BMTKM dilaksanakan di 1,000 lokaliti dalam tempoh tiga tahun enam bulan. Fasa pertama telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2022 melibatkan 80 lokaliti secara rintis," katanya.